

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam objektif kajian bahawa tujuan kajian ini ialah untuk melihat komunikasi pengetua, kepuasan kerja guru dan hubungan di antara komunikasi pengetua dengan kepuasan kerja guru mengikut persepsi guru. Dalam bab ini segala aspek metodologi kajian akan diuraikan bagi menjelaskan hubungan di antara kedua-dua variabel berkenaan iaitu komunikasi pengetua dan kepuasan kerja. Bab ini merangkumi aspek-aspek latar belakang tempat kajian, reka bentuk kajian, sumber maklumat, sampel kajian, instrumen kajian, pengkodan semula, kaedah pengedaran dan pengumpulan data dan kaedah penganalisisan data.

#### **3.2 Latar Belakang Tempat Kajian**

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah di Lembah Kelang. Dari lawatan dan perbualan dapat diterangkan sedikit sebanyak tentang latar belakang sekolah yang dikaji.

Sekolah yang dikaji ini merupakan sebuah sekolah bandar gred B. Sekolah ini terletak di bawah zon Keramat, Kuala Lumpur. Sekolah yang dikaji ini merupakan sebuah sekolah harian biasa dan satu sesi sahaja

bermula dari 7.30 pagi hingga 1.50 tengah hari. Kelas-kelas terdiri dari tingkatan satu hingga tingkatan lima.


Sekolah ini terdiri daripada pelajar-pelajar lelaki dan perempuan. Sebahagian besar pelajar-pelajar adalah pelajar Melayu dari kalangan keluarga tentera yang sederhana. Kebanyakan pelajar tinggal di dalam kem tentera dan segelintir sahaja dari keluarga awam yang tinggal di luar kawasan kem. Sekolah ini diterajui oleh seorang pengetua perempuan. Beliau dalam lingkungan umur 54 tahun dan menjadi pengetua di sekolah yang dikaji selama  $2\frac{1}{2}$  tahun. Terdapat 55 orang guru yang mengajar di sekolah ini terdiri daripada guru-guru berijazah dan guru-guru lepasan maktab.

Kemudahan fizikal sekolah ini pada keseluruhannya baik. Sekolah ini mempunyai tiga blok bangunan yang menempatkan bilik darjah, makmal sains, bilik kemahiran hidup, bilik lukisan kejuruteraan, bilik seni, pusat sumber, bilik sakit, bilik guru, pejabat, kantin dan sebagainya. Sekolah ini juga dilengkapi dengan bekalan air, elektrik, talian telefon, mesin faksimili dan internet. Terdapat sebuah padang bola dan gelanggang-gelanggang lain seperti bola tampar dan badminton.

### **3.3 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini dijalankan secara tinjauan. Pemerolehan data dilakukan melalui teknik soal selidik. Kaedah ini sangat berguna untuk mendapatkan maklumat daripada responden (Kerlinger, 1973) dan sangat

praktikal digunakan bagi mendapatkan maklumat yang tepat bagi populasi yang kecil (Majid Konting, 1990). Reka bentuk kajian ini memberi panduan kepada pengkaji untuk mengumpul, menganalisis dan menginterpretasi data. Kajian ini menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferens bagi menjawab soalan-soalan kajian secara tepat. Kajian akan cuba memperlihatkan hubungan variabel bersandar iaitu kepuasan kerja guru dengan variabel bebas iaitu komunikasi pengetua seperti di dalam Rajah 3.



Rajah 3 : Aspek Hubungan Komunikasi Pengetua Dengan Kepuasan Kerja Guru Yang Akan Dikaji

Sebelum tinjauan sebenar melalui soal selidik dijalankan, temubual dengan pelbagai kumpulan guru diadakan terlebih dahulu untuk mendapat gambaran awal tentang kepuasan kerja guru di sekolah yang dikaji.

### 3.4 Sumber Maklumat

Data-data dalam kajian ini diperolehi melalui sumber primer dan sekunder. Data yang diperolehi daripada sumber primer adalah melalui borang soal selidik. Soal selidik telah diedarkan kepada guru-guru yang menjadi subjek kajian. Soal selidik ini bertujuan untuk meninjau persepsi

guru-guru terhadap komunikasi pengetua, kepuasan kerja dan hubungan komunikasi pengetua dengan kepuasan kerja guru.

Maklumat sekunder pula diperolehi melalui pembacaan dan rujukan di perpustakaan institusi pengajian tinggi seperti buku, jurnal, majalah, buletin, akhbar dan hasil-hasil kajian yang berkaitan dengan bidang kajian.

### **3.5 Sampel Kajian**

Sampel kajian dipilih berdasarkan kaedah persampelan rawak mudah. Reka bentuk sampel kebarangkalian menggunakan prinsip kerawakan ini memberi peluang yang sama kepada setiap ahli populasi untuk menjadi responden. Menurut Sekaran (1992), ini merupakan kaedah yang boleh digunakan kerana pengkaji boleh mendapat responden secara umum dan setiap orang mempunyai peluang yang sama. Seramai 30 orang guru terlatih yang telah berkhidmat lebih daripada setahun di sekolah berkenaan telah dipilih sebagai sampel dalam kajian ini. Sebanyak 30 borang soal selidik telah dipulangkan semula menunjukkan kesemua responden iaitu 100% telah menyempurna dan mengembalikan borang soal selidik.

### **3.6 Instrumen Kajian**

Instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang menggunakan Skala Likert daripada 1 hingga 5. Soal selidik yang digunakan untuk

mendapatkan data bagi tujuan kajian ini terdiri daripada tiga bahagian seperti berikut ;

- **Bahagian A – Soal Selidik Maklumat Responden**

Ini merupakan soal selidik demografi atau maklumat diri responden.

Bahagian ini terdiri daripada 4 item yang merangkumi soalan-soalan tentang jantina, umur, kategori perkhidmatan dan pengalaman mengajar.

- **Bahagian B – Soal Selidik Komunikasi Pengetua**

Bahagian ini mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan persepsi guru terhadap amalan komunikasi pengetua. Soalan-soalan dalam bahagian B adalah diadaptasi dan diubahsuai dari item-item soalan yang dibina oleh Down dan Hazen (1977). Item-item ini telah digunakan ke atas lebih 50 organisasi di luar negara ( Clampitt & Girard, 1986, dan Clampitt & Down, 1993).

Sebanyak 20 item soalan dikemukakan dalam bahagian ini untuk mengukur amalan komunikasi pengetua yang difokuskan kepada dua dimensi iaitu komunikasi ke bawah dan komunikasi ke atas seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Sebanyak 10 item berhubung dengan komunikasi ke bawah menjurus kepada maklumat yang disampaikan oleh pengetua kepada guru-guru tentang tugas dan tanggungjawab mereka dalam memenuhi kehendak institusi. Maklumat yang disampaikan perlu jelas, tepat, cukup, sesuai dan mudah difahami. 10 item lagi berhubung dengan komunikasi ke atas

memfokuskan kepada kesediaan pengetua menerima maklum balas ke atas yang merangkumi pernyataan idea, perasaan, kritikan, pandangan dan sebarang maklumat yang berhubung dengan institusi dari guru-guru.

Jadual 1 : Taburan Item Soal Selidik Down dan Hazen Tentang Komunikasi Pengetua

| Komunikasi Pengetua    | No Item Soalan                | Jumlah Item |
|------------------------|-------------------------------|-------------|
| 1. Komunikasi Ke Bawah | 5,6,7,8,9,10,11,12,13,14      | 10          |
| 2. Komunikasi Ke Atas  | 15,16,17,18,19,20,21,22,23,24 | 10          |
| Jumlah                 |                               | 20          |

Setiap responden dikehendaki memberi respons tentang kekerapan amalan komunikasi yang ditunjukkan oleh pengetua mereka dengan menandakan lima kunci kekerapan berikut ;

Jadual 2 – Kunci Kekerapan Komunikasi Pengetua

| Jawapan       | Skala |
|---------------|-------|
| Sentiasa      | 5     |
| Selalu        | 4     |
| Kadangkala    | 3     |
| Jarang-jarang | 2     |
| Tidak Pernah  | 1     |

Item-item di dalam soal selidik Down dan Hazen mempunyai skor 0 hingga 4 mata seperti di dalam Jadual 3;

Jadual 3 – Skor Item Soal Selidik Down dan Hazen

| Kekerapan     | Mata |
|---------------|------|
| Sentiasa      | 4    |
| Selalu        | 3    |
| Kadangkala    | 2    |
| Jarang-jarang | 1    |
| Tidak Pernah  | 0    |

Jumlah markah yang diperolehi akan dibahagikan dengan bilangan kenyataan seperti berikut;

Jumlah soalan (komunikasi pengetua) x skor tertinggi :-  $20 \times 4 = 80$

Jumlah soalan (komunikasi pengetua) x skor terendah :-  $20 \times 1 = 20$

$$\text{Perbezaan} = \underline{\underline{60}}$$

Amalan komunikasi pengetua diukur berdasarkan 3 tahap kekerapan iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi. Untuk menentukan tiga tahap kekerapan amalan komunikasi pengetua tersebut adalah  $60 \text{ bagi } 3 = 20$ . Jadi kontinuum amalan komunikasi pengetua adalah seperti di dalam Jadual 4.

Jadual 4 – Kontinuum Komunikasi Pengetua

| Tahap Kekerapan | Skor Min |
|-----------------|----------|
| Rendah          | 20 – 40  |
| Sederhana       | 41 – 61  |
| Tinggi          | 62 - 80  |

- **Bahagian C - Soal Selidik Kepuasan Kerja Guru**

Bahagian ini mengandungi soalan-soalan berkenaan kepuasan kerja guru. Kepuasan kerja ini diukur dengan menggunakan alat ukur iaitu The Minnesota Satisfaction Questionnaire (MSQ) yang diperkenalkan oleh Wesis, Dawis, England dan Lofquist (1967). Sebanyak 12 item kepuasan kerja guru dikemukakan dalam kajian ini. Item-item kepuasan kerja ini diukur dari segi dua aspek iaitu faktor pendorong dan faktor higien seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5 – Taburan Item Soal Selidik The Minnesota Satisfaction Questionnaire Tentang Kepuasan Kerja

| Kepuasan Kerja      | No Item Soal Selidik | Jumlah Item |
|---------------------|----------------------|-------------|
| 1. Faktor Pendorong | 25,26,27,30,31,33,35 | 7           |
| 2. Faktor Higien    | 28,29,32,34,36       | 5           |
| Jumlah              |                      | 12          |

Setiap responden dikehendaki memberi respons tentang kepuasan terhadap aspek yang diberi dengan menandakan daripada lima tahap kekerapan berikut :

Jadual 6 – Kunci Kekerapan Kepuasan Kerja Guru

| Jawapan                   | Skala |
|---------------------------|-------|
| Sangat Tidak Berpuas Hati | 1     |
| Tidak Berpuas Hati        | 2     |
| Tidak Tahu                | 3     |
| Berpuas Hati              | 4     |
| Sangat Berpuas Hati       | 5     |

Item-item dalam The Minnesota Satisfaction Questionnaire mempunyai skor 0 hingga 4 mata seperti di dalam Jadual 7.

Jadual 7 – Skor Item The Minnesota Satisfaction Questionnaire

| Kekerapan              | Mata |
|------------------------|------|
| Sangat Puas Hati       | 4    |
| Berpuas Hati           | 3    |
| Tidak Tahu             | 2    |
| Tidak Puas Hati        | 1    |
| Sangat Tidak Puas Hati | 0    |

Kepuasan kerja juga diukur berdasarkan 3 tahap kekerapan iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi seperti berikut;

Jumlah soalan (kepuasan kerja) x skor tertinggi :-  $12 \times 4 = 48$

Jumlah soalan (kepuasan kerja) x skor terendah :-  $12 \times 1 = 12$

$$\text{Perbezaan} = \underline{\underline{36}}$$

Untuk menentukan 3 tahap kekerapan kepuasan kerja tersebut adalah  $36 \text{ bagi } 3 = 12$ . Jadi kontinuum kepuasan kerja guru adalah seperti Jadual 8 di bawah.

Jadual 8 – Kontinuum Kepuasan Kerja

| Tahap Kekerapan | Skor Min |
|-----------------|----------|
| Rendah          | 12 – 24  |
| Sederhana       | 25 – 37  |
| Tinggi          | 38 - 48  |

### **3.7 Pengkodan Semula**

Tahap kekerapan untuk komunikasi pengetua dan kepuasan kerja guru dikodkan semula supaya nilai yang ditunjukkan tidak terlalu kecil. Tahap kekerapan yang dikodkan semula adalah seperti yang ditunjukkan di bawah.

#### **3.7.1 Tahap Kekerapan Komunikasi Pengetua.**

Kekerapan untuk komunikasi pengetua adalah mengikut Skala Likert 1 hingga 5 iaitu

1 = Tidak Pernah

2 = Jarang-jarang

3 = Kadangkala

4 = Selalu

5 = Sentiasa

Lima nilai ini dikodkan semula menjadi tiga nilai. Nilai yang telah dikodkan ialah;

1 = Tidak Pernah ( 1 = 1 )

2 = Kadangkala ( 2, 3 = 2 )

3 = Selalu ( 4, 5 = 3 )

#### **3.7.2 Tahap Kekerapan Kepuasan Kerja**

Kekerapan untuk kepuasan kerja adalah mengikut Skala Likert 1 hingga 5 iaitu;

1 = Sangat Tidak Puas hati

2 = Tidak Puas Hati

3 = Tidak Tahu

4 = Berpuas Hati

5 = Sangat Berpuas hati

Lima nilai ini dikodkan semula menjadi tiga nilai. Nilai yang telah dikodkan semula ialah;

1 = Tidak Puas Hati ( 1, 2 = 1 )

2 = Tidak Tahu ( 3 = 2 )

3 = Puas Hati ( 4, 5 = 3 )

### **3.8 Kaedah Pengumpulan Data**

Kajian ini telah menggunakan soal selidik. Pengkaji telah berjumpa dengan Pengerusi Kelab Guru sekolah yang dikaji untuk menjelaskan tentang tujuan dan reka bentuk kajian yang hendak dijalankan serta menyerahkan borang-borang soal selidik. Pengerusi Kelab Guru berkenaan diminta mengedarkan soal selidik kepada 30 orang guru yang terlatih dan telah berkhidmat di sekolah berkenaan sekurang-kurangnya setahun untuk dilengkapi. Selepas tiga hari, pengkaji telah pergi ke sekolah berkenaan untuk mengutip soal selidik daripada Pengerusi Kelab Guru. Sebanyak 30 borang soal selidik yang dilengkapi telah diserahkan kepada pengkaji.

### **3.9 Kaedah Penganalisisan Data**

Semua data yang dikumpul daripada soal selidik dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif dan inferens. Pemprosesan data dilakukan dengan menggunakan perisian komputer 'Statistical Package For Social Sciences'(SPSS) 9.0 bagi mendapatkan kekerapan, peratusan, skor min, korelasi dan sebagainya.

Statistik deskriptif digunakan untuk mengumpul data, membuat rumusan dan menyampaikan rumusan dalam bentuk yang senang difahami. Statistik deskriptif ini digunakan untuk menerangkan kekerapan, peratusan dan min manakala penyusunan data ialah dalam bentuk jadual dan rajah. Statistik jenis ini dapat menjelaskan maklumat dengan jelas (Walsh, 1990). Kekerapan dan peratusan digunakan untuk memerihalkan ciri-ciri responden. Bagi item kajian iaitu komunikasi pengetua dan kepuasan kerja guru-guru, kekerapan, peratusan dan min digunakan.

Statistik inferens yang digunakan ialah Pekali Korelasi Pearson (The Pearson Correlation Matrix) untuk menjelaskan hubungan di antara variabel bersandar iaitu kepuasan kerja dengan variabel bebas iaitu komunikasi pengetua. Kaedah ini merupakan kaedah yang paling biasa digunakan untuk mengukur dua variabel yang berukuran sela (Meyer, 1976). Ujian statistik ini dipilih kerana ia dapat menerangkan darjah kekuatan hubungan sama ada kuat atau lemah antara variabel yang diuji. Nilai pekali korelasi Pearson 'r' ialah antara 1 dan +1. Nilai pekali korelasi  $r = 1$  menunjukkan terdapat hubungan di antara variabel bersandar

dengan variabel bebas. Nilai korelasi  $r = -1$  menunjukkan bahawa hubungan antara variabel bersandar dan variabel bebas adalah songsang. Seterusnya nilai pekali  $r = 0$  menunjukkan tiada hubungan antara variabel bersandar dan variabel bebas. Aras signifikan yang digunakan ialah pada 0.05 ( $p < 0.05$ ). Mengikut Sekaran (1992), aras signifikan 0.05 diterima oleh kebanyakan pengkaji dalam membuat keputusan statistik.

### 3.10 Rumusan

Dalam bab ini telah diterangkan tentang metodologi kajian yang dijalankan. Ini termasuklah latar belakang tempat kajian, reka bentuk kajian, sumber maklumat, persampelan, instrumen kajian, pengkodan semula, tatacara mengumpul data serta cara penganalisisan data. Pengkaji berharap penerangan ini akan memberi maklumat yang jelas terhadap proses pelaksanaan kajian ini.